

Soalan No: 89

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY
[BACHOK]**

TARIKH : 27.7.2017

SOALAN :

Tuan Ahmad Marzuk Bin Shaary [Bachok] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah pelajar yang memperoleh semua E bagi setiap mata pelajaran dalam UPSR bagi tahun 2014,2015 dan 2016. Apakah program khas Kerajaan dalam membantu golongan pelajar ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2014 sebanyak 2.7 peratus daripada 473,175 calon yang mendaftar Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) mendapat semua gred E atau tidak mencapai tahap minium untuk semua mata pelajaran. Manakala bagi tahun 2015 seramai 2.6 peratus calon mendapat gred E daripada 443,407 calon yang menduduki UPSR, berkurangan sebanyak 0.1 peratus.

Seterusnya bagi tahun 2016 pula, seramai 2.1 peratus murid UPSR mendapat semua E untuk semua mata pelajaran daripada 452,721 calon.

Walau bagaimanapun, bilangan calon yang mendapat semua E untuk UPSR tahun 2016 tidak boleh dibandingkan dengan bilangan calon yang mendapat semua E dalam UPSR tahun 2015 dan 2014 kerana perbezaan format penilaian bagi tahun 2016.

Kementerian Pendidikan Malaysia membantu murid yang memperoleh semua gred E bagi setiap mata pelajaran dalam UPSR dengan menyediakan Program Pendidikan Asas Vokasional (PAV) bermula di Tingkatan 1 yang memberi fokus kepada aspek kemahiran vokasional. Sebanyak 91 buah sekolah menengah harian di seluruh negara yang menawarkan PAV.